

MODUL PINTAS TINGKATAN LIMA

1 JAM 15 MINIT

3756/1

PRINSIP PERAKAUNAN

Kertas 1

ARAHAN :

1. Jangan Buka Kertas Peperiksaan Ini Sehingga Diberitahu.
2. Kertas peperiksaan ini mengandungi 40 soalan.
3. Jawab semua soalan.
4. Tiap-tiap soalan diikuti oleh empat pilihan jawapan, iaitu **A, B, C** dan **D**. Bagi setiap soalan, pilih **satu** jawapan sahaja. **Hitamkan** jawapan anda pada kertas jawapan objektif yang disediakan.
5. Jika anda hendak menukar jawapan, padamkan tanda yang telah dibuat. Kemudian hitamkan jawapan yang baharu.
6. Anda dibenarkan menggunakan kalkulator saintifik.


NAMA :

TINGKATAN :

Kertas peperiksaan ini mengandungi 16 halaman bercetak.

[Lihat halaman sebelah

1 Rajah 1 berkaitan subbidang perakaunan.



Rajah 1

Apakah subbidang perakaunan bagi Rajah 1?

	(1)	(2)
A	Perakaunan pengurusan	Pengauditan
B	Perakaunan kewangan	Perakaunan pengurusan
C	Percukaian	Perakaunan kewangan
D	Pengauditan	Percukaian

2 Jurnal Am berikut diambil daripada buku perniagaan Kedai Sinar Mutiara.

Jurnal Am

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2023 Julai 20	Ambilan Belian		RM 820	RM 820

Apakah andaian perakaunan yang dipatuhi oleh Kedai Sinar Mutiara?

- A Ketekalan
- B Prinsip kos
- C Entiti berasingan
- D Usaha berterusan

- 3 Maklumat berikut diperoleh daripada rekod perakaunan Perniagaan Lufina.

	RM
Aset Bukan Semasa	60 000
Aset Semasa	41 880
Liabiliti Bukan Semasa	36 000
Liabiliti Semasa	3 480

Berapakah ekuiti pemilik Perniagaan Lufina?

- A RM62 400
B RM69 360
C RM134 400
D RM141 360
- 4 Apakah dokumen bukan sumber dalam perniagaan?
- A Memo
B Bil tunai
C Nota debit
D Penyata akaun
- 5 Apakah urus niaga yang dicatatkan dalam Jurnal Penerimaan Tunai?
- A Membayar insurans perniagaan
B Pelanggan menjelaskan hutang
C Jualan komputer terpakai secara kredit
D Ambilan tunai untuk kegunaan peribadi
- 6 Antara berikut, manakah urus niaga yang tidak direkod dalam Buku Tunai Runcit?
- I Beli perabot pejabat secara tunai
II Bayar gaji pekerja secara tunai
III Beli kunci pejabat secara tunai
IV Bayar parkir secara tunai
- A I dan II
B I dan IV
C II dan III
D III dan IV

7 Jadual berikut berkaitan dengan klasifikasi akaun sebuah perniagaan.

	Akaun Nyata	Akaun Nominal
I	Premis	Insurans
II	Bank	Inventori
III	Jualan	Gaji
IV	Lengkapan	Belian

Pilih klasifikasi akaun yang betul.

- A I dan II
- B I dan IV
- C II dan III
- D III dan IV

8 Maklumat berikut diambil daripada Perniagaan Wan.

Akaun Kawalan Belum Terima (petikan)

2023		RM	2023		RM
April 1	Baki b/b	1 630	April 30	Bank	?
30	Jualan	8 290		Pulangan jualan	180
				Baki h/b	2 060

Berapakah nilai bank jika cek tak laku berjumlah RM450 dan faedah dikenakan sebanyak RM70?

- A RM7 300
- B RM7 680
- C RM8 060
- D RM8 200

9 Pilih catatan Imbangan Duga yang betul.

Imbangan Duga pada 31 Disember 2022 (petikan)

A		RM		RM
Modal		12 000	Gaji	6 500
Bank		3 650	Pulangan belian	190

Imbangan Duga pada 31 Disember 2022 (petikan)

B		RM		RM
Bank		3 650	Modal	12 000
Gaji		6 500	Pulangan belian	190

Imbangan Duga pada 31 Disember 2022 (petikan)

C		RM		RM
Gaji		6 500	Modal	12 000
Pulangan belian		190	Bank	3 650

Imbangan Duga pada 31 Disember 2022 (petikan)

D		RM		RM
Modal		12 000	Gaji	6 500
Pulangan belian		190	Bank	3 650

10 Kedai Runcit Afandi menyediakan rekod perakaunan secara manual.

Apakah sistem inventori yang diamalkan?

- A Sistem Inventori Berkala
- B Sistem Inventori Berterusan
- C Sistem Inventori Berkekalan
- D Sistem Inventori Berpanjangan

11 Apakah item yang terlibat dalam pengiraan kos jualan?

- A Insurans kedai
- B Inventori akhir
- C Pulangan jualan
- D Angkutan keluar

12 Maklumat berikut berkaitan dengan catatan penutupan.

Akaun Angkutan Masuk

2023	RM	2023	RM
Mei 31 Tunai	180	Mei 31 P	180
	180		180
	180		180

Apakah P?

- A Baki h/b
- B Baki b/b
- C Akaun Untung Rugi
- D Akaun Perdagangan

13 Pilih pernyataan perakaunan asas akruan yang betul.

- A Belanja prabayar diiktiraf sebagai belanja
- B Belanja belum bayar diiktiraf sebagai belanja
- C Hasil belum terperoleh diiktiraf sebagai hasil
- D Hasil belum terima tidak diiktiraf sebagai hasil

14 Pada 30 Jun 2022, Perniagaan Vinod mula menerima sewa RM3 600 untuk tempoh setahun.

Berapakah nilai sewa yang direkod dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 31 Disember 2022?

- A RM1 500
- B RM1 800
- C RM2 100
- D RM3 600

- 15 Maklumat berikut diambil daripada buku Perniagaan Mimi.

Imbangan Duga pada 30 Jun 2023 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Akaun Belum Terima	30 800	
Hutang lapuk	250	
Peruntukan hutang ragu		610

Maklumat tambahan:

- i. Seorang pelanggan didapati muflis dan baki hutangnya berjumlah RM200 dihapus kira sebagai hutang lapuk.
- ii. Peruntukan hutang ragu diselaraskan pada kadar 3% atas Akaun Belum Terima bersih.

Berapakah nilai peruntukan hutang ragu yang direkod dalam Akaun Untung Rugi bagi tahun berakhir 30 Jun 2023?

- A RM308
 B RM314
 C RM610
 D RM918
- 16 Maklumat berikut diambil daripada Pasar Raya Mukmin pada 1 April 2022.

	RM
Lengkapan (kos)	60 000
Susut nilai terkumpul lengkapan	6 000

Maklumat tambahan:

Kadar susut nilai yang ditetapkan ialah 10% setahun atas nilai buku.

Berapakah susut nilai terkumpul lengkapan pada 31 Mac 2023?

- A RM5 400
 B RM6 000
 C RM11 400
 D RM12 000

- 17 Maklumat berikut diperolehi daripada Bukit Kapar Trading.

Imbangan Duga pada 31 Julai 2022 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Kenderaan	90 000	
Susut nilai terkumpul kenderaan		32 400

Polisi perniagaan menetapkan susut nilai kenderaan menggunakan kaedah baki berkurangan sebanyak 20% setahun.

Berapakah untung atau rugi pelupusan jika kenderaan dijual dengan harga RM45 000 pada 31 Julai 2023?

- A Rugi pelupusan RM1 080
 - B Rugi pelupusan RM12 600
 - C Untung pelupusan RM1 080
 - D Untung pelupusan RM12 600
- 18 Maklumat berikut diambil daripada Imbangan Duga Al-Ameen Trading.

Imbangan Duga pada 30 April 2023 (petikan)

Butir	Debit	Kredit
	RM	RM
Belian	10 700	
Jualan		30 150
Akaun Belum Terima	8 550	
Q		1 600

Apakah Q?

- A Ambilan
- B Pulangan masuk
- C Komisen belum terima
- D Kadar bayaran belum bayar

- 19 Puan Erni, pemilik Erni Enterprise telah membayar premium insurans RM6 000 pada 1 Mac 2022 bagi tempoh setahun.

Tempoh perakaunan Erni Enterprise berakhir pada 31 Disember 2022.

Manakah catatan yang betul dalam Penyata Kewangan bagi tahun 2022?

	Akaun Perdagangan dan Untung Rugi	Penyata Kedudukan Kewangan
A	Insurans RM5 000	Insurans Prabayar RM1 000
B	Insurans RM1 000	Insurans Prabayar RM5 000
C	Insurans Prabayar RM1 000	Insurans RM5 000
D	Insurans Prabayar RM5 000	Insurans RM1 000

- 20 Manakah pernyataan yang merujuk kepada kesilapan prinsip?

- A Komisen belum terima sebanyak RM900 tidak diambil kira
- B Peruntukan hutang ragu sebanyak 2% atas Akaun Belum Terima terlupa diselaraskan
- C Belanja penyelenggaraan kenderaan RM500 telah direkodkan dalam Akaun Kenderaan
- D Jualan RM1 500 kepada Perniagaan Izreen direkodkan dalam Akaun Perniagaan Azreen

- 21 Kesilapan berikut telah ditemui selepas pengiraan untung bersih.

- Untung bersih RM28 600
- Belanja promosi sebanyak RM270 belum direkodkan dalam mana-mana buku
- Pulangan jualan dan pulangan belian masing-masing terkurang rekod RM100

Berapakah untung bersih selepas kesilapan tersebut dibetulkan?

- A RM28 330
 - B RM28 530
 - C RM28 870
 - D RM29 070
- 22 Apakah butir yang digunakan untuk pengiraan Pulangan atas Modal?
- A Modal awal
 - B Modal akhir
 - C Modal kerja
 - D Modal tambahan

- 23 Puan Anita memulakan perniagaan Butik Anita pada 1 Julai 2022 dengan modal sebanyak RM60 000. Beliau tidak menyimpan rekod perakaunan dengan lengkap.

Maklumat berikut diperoleh pada 30 Jun 2023.

	RM
Jumlah aset	134 000
Jumlah liabiliti	65 700
Ambilan	1 200

Berapakah jumlah keuntungan yang diperoleh oleh Butik Anita?

- A RM5 700
 B RM7 100
 C RM8 300
 D RM9 500
- 24 Maklumat berikut diperoleh daripada buku perakaunan Kedai Roti Fadilah.

	1 April 2022 RM	31 Mac 2023 RM
Akaun Belum Bayar	5 700	8 400

Maklumat tambahan:

- i. Belian tunai RM4 700
 ii. Pembayaran kepada Akaun Belum Bayar RM27 300

Berapakah jumlah belian bagi tahun berakhir 31 Mac 2023?

- A RM24 600
 B RM29 300
 C RM32 000
 D RM34 700

- 25 Apakah cara yang boleh dilakukan oleh perniagaan untuk mengoptimumkan penggunaan tunai?
- A Menyimpan tunai di pejabat
 - B Melaburkan tunai dalam simpanan tetap
 - C Memberi pinjaman tunai kepada pekerja
 - D Membayar belanja perniagaan menggunakan tunai

- 26 Maklumat berikut menunjukkan petikan Buku Tunai dan Penyata Bank Kedai Dalila.

Buku Tunai (petikan bahagian kredit)

Tarikh	Butir	No. Cek	Bank
2023			RM
Mei 2	Promosi	188543	670

Penyata Bank

Tarikh	Butir	No. Cek	Debit	Kredit	Baki
2023			RM	RM	RM
Mei 8	Cek	188543	760		

Apakah catatan yang perlu dilakukan untuk mengemas kini Buku Tunai?

- A Debit RM90
 - B Kredit RM90
 - C Debit RM760
 - D Kredit RM760
- 27 Maklumat berikut diperolehi daripada belanjawan tunai Perniagaan Qaseh pada 30 September 2023.

	RM
Baki awal	7 420
Penerimaan: Jualan tunai	11 500
Akaun Belum Terima	7 300
Pembayaran: Akaun Belum Bayar	9 200
Kadar bayaran	450

Berapakah lebihan yang diperolehi pada tarikh tersebut?

- A RM1 730
- B RM9 150
- C RM16 570
- D RM18 470

28 Antara berikut, manakah kandungan Seksyen 26 Akta Perkongsian 1961?

- I Faedah 5% setahun dibayar atas modal pekongsi
 - II Faedah 8% setahun dibayar atas pinjaman pekongsi
 - III Pekongsi yang menguruskan perkongsian tidak dibayar gaji
 - IV Untung atau rugi dibahagikan mengikut nisbah modal pekongsi
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

29 Maklumat berikut diperolehi daripada Perkongsian ROZA pada 30 Jun 2023.

	Rohana	Zarina
Akaun Modal	RM 60 000	RM 40 000

Ikatan Perkongsian yang telah dipersetujui adalah seperti yang berikut:

- i. Faedah 10% setahun dibayar atas modal
- ii. Untung atau rugi dibahagikan mengikut nisbah modal

Berapakah untung bersih yang diperolehi oleh Perkongsian ROZA sekiranya Rohana dan Zarina menerima kongsi untung RM12 000 dan RM8 000 masing-masing?

- A RM10 000
- B RM20 000
- C RM30 000
- D RM40 000

30 Antara berikut, manakah butiran yang direkodkan dalam Akaun Modal mengikut Kaedah Modal Berubah?

- I Modal pekongsi
 - II Ambilan oleh pekongsi
 - III Gaji pekongsi yang telah dibayar
 - IV Faedah atas pinjaman pekongsi yang telah dibayar
- A I dan II
 - B I dan IV
 - C II dan III
 - D III dan IV

- 31 Pada 1 Julai 2023, Perkongsian HANA telah bersetuju untuk membubarkan perkongsian mereka. Manakah catatan jurnal yang betul untuk merekodkan kos pembubaran RM2 800?

Jurnal Am

A

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2023 Julai 1	Belanja realisasi Bank		RM 2 800	RM 2 800

Jurnal Am

B

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2023 Julai 1	Bank Belanja realisasi		RM 2 800	RM 2 800

Jurnal Am

C

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2023 Julai 1	Realisasi Bank		RM 2 800	RM 2 800

Jurnal Am

D

Tarikh	Butir	Fol.	Debit	Kredit
2023 Julai 1	Bank Realisasi		RM 2 800	RM 2 800

- 32 Apakah hak seorang pemegang Syer Keutamaan yang bersifat kumulatif?
- A Berhak menerima tunggakan dividen
 - B Berhak mengundi dalam Mesyuarat Agung Tahunan
 - C Berhak menerima dividen mengikut prestasi syarikat
 - D Berhak menerima dividen selepas bayaran dilakukan kepada pemegang Syer Biasa

- 33 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Kenari Berhad.

Syarikat Kenari Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 30 September 2023 (petikan)

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
<u>Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh</u>	
150 000 unit 5% Syer Keutamaan	150 000
200 000 unit 6% Syer Keutamaan	300 000
100 000 unit 8% Syer Keutamaan	200 000
500 000 unit Syer Biasa	250 000
	900 000

Berapakah harga sesyer bagi terbitan kedua 6% Syer Keutamaan?

- A RM0.50
- B RM1.00
- C RM1.50
- D RM2.00

- 34 Maklumat berikut diperoleh daripada Syarikat Seroja Berhad.

Syarikat Seroja Berhad
Penyata Kedudukan Kewangan pada 31 Oktober 2023

<u>Ekuiti Pemilik</u>	RM
<u>Modal Diterbitkan dan Berbayar Penuh</u>	
500 000 unit Syer Biasa	1 000 000

Bagi tahun kewangan berakhir 31 Oktober 2023, pemegang Syer Biasa telah menerima perkara berikut:

- i. 5% Dividen Interim bagi tempoh enam bulan pertama
- ii. 6% Dividen Akhir

Berapakah jumlah dividen yang diterima oleh pemegang Syer Biasa?

- A RM55 000
- B RM80 000
- C RM85 000
- D RM110 000

35 Apakah pendapatan modal bagi sebuah kelab dan persatuan?

- A Yuran tahunan ahli
- B Faedah atas simpanan tetap
- C Untung pertandingan melukis
- D Derma untuk membina gelanggang futsal

36 Maklumat berikut diperolehi daripada Kelab Renang Kristal.

Akaun Penerimaan dan Pembayaran bagi tahun berakhir 31 Julai 2023

	RM
Yuran ahli	7 000

Maklumat tambahan:

	1 Ogos 2022	31 Julai 2023
	RM	RM
Yuran belum terima	500	700
Yuran belum terperoleh	-	400

Berapakah jumlah yuran yang akan direkodkan dalam Akaun Pendapatan dan Perbelanjaan bagi tahun berakhir 31 Julai 2023?

- A RM6 200
- B RM6 800
- C RM7 200
- D RM7 800

37 Maklumat berikut diambil daripada Kedai Buku Kelab Remaja Mahkota pada 31 Mei 2023.

	RM
Inventori awal	7 300
Jualan	20 100
Belian	15 600
Upah pekerja	1 500
Inventori akhir	5 800

Berapakah untung kedai buku tersebut?

- A RM1 500
- B RM3 000
- C RM4 500
- D RM7 100

38 Apakah kos overhead bagi sebuah kilang?

- A Gaji jurujual
- B Gaji kerani pejabat
- C Gaji pengurus kilang
- D Gaji operator pengeluaran

39 Maklumat berikut diperolehi daripada Pengeluar Makanan Sejuk Beku Ocean yang beroperasi di Subang Jaya, Selangor.

	RM
Utiliti	5 500

Maklumat tambahan:

- i. Utiliti dibahagikan kepada kilang dan pejabat dengan nisbah 3:2
- ii. Bil air kilang dijumpai berjumlah RM250 belum dijelaskan

Berapakah jumlah utiliti yang akan direkodkan dalam Akaun Pengeluaran?

- A RM2 300
- B RM2 450
- C RM3 450
- D RM3 550

40 Maklumat berikut diambil daripada Kilang Top Gear.

	RM
Kos tetap	250 000
Kos berubah seunit	35
Margin caruman seunit	20

Berapakah titik pulang modal?

- A RM12 500
- B RM187 500
- C RM437 500
- D RM687 500

KERTAS PEPERIKSAAN TAMAT